

CABARAN MELAKSANAKAN DASAR KAWALAN HARGA DI MALAYSIA: MELINDUNGI GOLONGAN PENGGUNA, MENJAGA KEPENTINGAN PENIAGA.

CHALLENGES IN IMPLEMENTING PRICE CONTROL POLICIES IN MALAYSIA: PROTECTING CONSUMERS, PRESERVE THE INTERESTS OF RETAILER.

Priscila Ibai¹

Azmi Bin Aziz²

Ishak Bin Abd Rahman³

Abdullah Sanusi Othman⁴

Lokhman Hakim Osman⁵

¹Fakulti Ekonomi dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: haq@ukm.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: abaz@ukm.edu.my)

³Fakulti Ekonomi dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: haq@ukm.edu.my)

⁴Fakulti Ekonomi dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: asza@ukm.edu.my)

⁵Fakulti Ekonomi dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: haq@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 5-9-2025

Revised date : 6-9-2025

Accepted date : 1-10-2025

Published date : 15-10-2025

To cite this document:

Ibai, P., Aziz, A., Abd Rahman, I., Othman, A. S., & Osman, L. H. (2025). Cabaran melaksanakan dasar kawalan harga di Malaysia: Melindungi golongan pengguna, menjaga kepentingan peniaga. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1164 -1190.

Abstrak: Kawalan harga merupakan langkah intervensi oleh Kerajaan menggunakan kuasa perundangan untuk menetapkan harga atau mengekang perubahan harga di luar mekanisme pasaran untuk mencapai objektif tertentu. Di Malaysia, tujuan kawalan harga diperkenalkan adalah untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup yang terbeban dengan kenaikan harga barang kesan daripada inflasi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) mempunyai kuasa perundangan yang kukuh untuk melaksanakan kawalan harga. Peranan ini mencabar bagi Kementerian memandangkan Kementerian ini bertanggungjawab terhadap dua

(2) golongan yang terkesan dan berada pada spektrum berlawanan dalam dasar kawalan harga iaitu pengguna dan peniaga. Pihak pengguna mengalu-alukan kawalan harga manakala pihak peniaga menentang dan berisiko terjejas oleh pelaksanaan dasar ini. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan melibatkan tujuh (7) orang responden yang merupakan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam merangka dan melaksanakan dasar kawalan harga di KPDN. Melalui pengalaman dan pemerhatian responden, isu dan cabaran

oleh tiga (3) pihak iaitu pengguna, peniaga dan Kerajaan dalam pelaksanaan dasar kawalan harga dikenal pasti. Kajian mendapati bahawa walaupun, kawalan harga diterima baik dan bersifat populis di kalangan pengguna, kesan dan akibat daripada kawalan harga tersebut turut dirasai oleh pengguna. Kerajaan perlu berhati-hati dalam melaksanakan kawalan harga ini bagi memastikan tiada kesan buruk kepada ekonomi secara keseluruhan.


Kata Kunci: *Kawalan Harga, Perlindungan Pengguna*

Abstract: *Price control is an intervention measure by the government using legislative power to set prices or restrain price changes outside the market mechanism to achieve specific objectives. In Malaysia, the introduction of price controls aims to assist the consumers in coping with the cost of living burden resulting from the increase in the prices of goods due to inflation. The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has strong legislative powers to implement price controls. This role poses a challenge for the Ministry, as it is responsible for two (2) affected groups on opposite ends of the spectrum in price control policy: consumers and traders. Consumers generally welcome price controls, while traders oppose and risk being affected by the implementation of this policy. This qualitative study involved seven (7) respondents who are officials directly involved in formulating and implementing price control policies at KPDN. Through the experiences and observations of the respondents, issues and challenges faced by three (3) parties—consumers, traders, and the government—in the implementation of price control policies were identified. The study found that although price controls are well-received and populist among consumers, the effects and consequences of these controls are also felt by consumers. The government needs to exercise caution in implementing price controls to ensure no adverse effects onto the overall economy.*

Keywords: *Price Control, Consumer Protection*

Pengenalan

Malaysia pada amnya mengamalkan ekonomi bebas di mana harga barangan dan perkhidmatan ditentukan oleh pasaran. Walau bagaimanapun, berikutan keadaan- keadaan tertentu, kerajaan turut campur tangan dalam pasaran bagi mengawal bekalan dan harga barangan tertentu di pasaran. Objektif utama kawalan harga oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk membantu menangani kos sara hidup berikutan kenaikan harga barang keperluan asas pengguna. Tren inflasi bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol dalam bakul Indeks Harga Pengguna seperti di Carta 1 menunjukkan peningkatan sehingga 54.5% pada Disember 2023 berbanding tahun asas 2010.



Carta 1: Tren Inflasi Kumpulan Makanan Dan Minuman Bukan Beralkohol 2010-2023
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, DOSM)

Secara dasarnya, Kerajaan Malaysia melaksanakan kawalan harga bagi tujuan:

(i) Menjamin Kuasa Beli Rakyat

Dengan mengawal harga barangan yang penting untuk semua pengguna, Kerajaan dapat memastikan semua pihak tanpa mengira pendapatan dapat memperolehi barangan tersebut pada kadar yang mampu milik. Contohnya kawalan harga terhadap petrol RON95, diesel, gas petroleum cecair, gula, tepung, beras tempatan dan sebagainya.

(ii) Menstabilkan harga

Pada musim-musim tertentu seperti musim perayaan, permintaan terhadap barangan tertentu akan naik mendadak dan bagi memastikan harga tidak dinaikkan pada kadar yang tinggi, kawalan harga boleh diperkenalkan.

(iii) Perlindungan Pengguna

Apabila permintaan terhadap sesuatu barang meningkat, terdapat golongan peniaga mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan cepat dengan menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah. Ini dapat dilihat semasa dunia menghadapi pandemik COVID-19 yang mana harga pelitup muka dan harga kit ujian pantas COVID dijual pada harga yang sangat tinggi. Bagi memastikan pengguna dapat memperolehi barang ini pada harga yang berpatutan, Kerajaan telah menetapkan harga siling pelitup muka dan kit ujian pantas. Di samping itu, kawalan harga pada musim perayaan juga merupakan satu alat perlindungan pengguna bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah pada musim ini.

Kajian Literatur

Menurut Cowen dan Tabarrok (2015), harga ditentukan oleh insentif yang terhasil daripada tawaran dan permintaan. Hal ini bermaksud, jika harga sesuatu barang sedang meningkat, pasaran sedang memberi isyarat kepada pengeluar bahawa terdapat insentif untuk lebih banyak peluang mengaut keuntungan dan oleh itu pengeluaran boleh ditingkatkan. Saksena (1986) menyatakan bahawa kawalan harga merupakan langkah intervensi oleh Kerajaan menggunakan kuasa perundangan untuk menetapkan harga atau mengekang perubahan harga di luar mekanisme pasaran untuk mencapai objektif tertentu. Kawalan harga boleh dilaksanakan melalui beberapa cara seperti penetapan harga siling, harga lantai dan terpakai kepada barangan atau perkhidmatan tertentu.

Punca kuasa utama kawalan bekalan dan harga oleh Kerajaan Malaysia adalah dua (2) akta di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723]. Selain itu, di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terdapat Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] yang mengawal harga beras tempatan. Semasa membentangkan Rang Undang- Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan di Dewan Rakyat pada 13 Oktober 2010, Menteri KPDN telah menegaskan bahawa perundangan ini bertujuan paling utama untuk melindungi pengguna yang terkesan dengan kenaikan harga barang dan tindakan peniaga yang tidak beretika.

Nurretina Ahmad Shariff dan Rosnelim Yusoff (2013) menyatakan bahawa Akta 723 bukan bertujuan untuk menentang atau menghalang perniagaan daripada mencari keuntungan. Tujuannya adalah untuk menghalang peniaga tamak dan tidak jujur daripada menetapkan harga yang tinggi untuk barangan dan perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, memandangkan akta ini memberi kuasa yang luas kepada Kerajaan yang akan memberi kesan terus kepada rakyat, harga seharusnya ditentukan selepas pertimbangan menyeluruh terhadap kesan kepada semua pihak berkepentingan. Kejayaan Akta 723 ini dalam mencapai objektifnya sangat bergantung pada pelaksanaannya.

Dalam laporan Anon (2023) di DagangNews.com, Bank Dunia menyatakan bahawa Malaysia mempunyai harga barang terkawal paling banyak di rantau ini. Pakar Ekonomi Utama Bank Dunia untuk Makroekonomi, Perdagangan dan Pelaburan, Dr. Apurva Sanghi berpandangan bahawa mekanisme kawalan harga di Malaysia dan peruntukan subsidi pertanian telah mengganggu kecekapan dalam peruntukan sumber dan mungkin telah memburukkan lagi isu kos sara hidup negara. Bank Dunia memaklumkan bahawa separuh daripada firma yang ditinjau yang terjejas oleh kawalan harga ini mendedahkan bahawa mereka sebenarnya mengurangkan pengeluaran sebanyak satu perempat. Dengan itu harga barangan akan meningkat sekiranya bekalan barang semakin menyusut. Pandangan negatif berkaitan kesan kawalan harga juga turut dinyatakan oleh Ferlito (2020) yang menyatakan bahawa pengenaan harga siling mengakibatkan pembekal tidak akan menyelaraskan semula bekalan kerana harga siling itu menghalang harga barangan menjalankan fungsi penyampaian maklumat mengenai penambahan permintaan. Kesannya, sebahagian daripada permintaan tersebut tidak akan dipenuhi dan menyebabkan gangguan bekalan di pasaran. Menurut Guénette (2020), di negara membangun seperti Malaysia, kawalan harga biasanya dilaksanakan bagi tujuan sosial dan ekonomi. Langkah ini boleh menjadi sebahagian usaha Kerajaan untuk melindungi golongan pengguna rentan melalui pemberian subsidi kos barang keperluan asas. Langkah ini juga boleh

menstabilkan harga komoditi utama yang terkesan dengan harga pasaran antarabangsa yang tidak menentu. Dalam penulisan yang sama, Guénette (2020) memberi amaran bahawa walaupun selalunya kawalan harga dilaksanakan bagi tujuan sosial yang baik, dasar inikerasp mengganggu atau mengherot pasaran dan boleh menjejaskan pembangunan padaakhirnya. Adalah lebih baik sekiranya kawalan harga digantikan dengan jaringan bantuan sosial yang lebih tersasar, galakan persaingan dan kawal selia pasaran yang lebih utuh.

Saksena (1986) berpandangan bahawa kawalan harga diperlukan jika harga pasaran dilihat tidak adil terhadap golongan pengguna dan pengeluar tertentu dan mengakibatkan gangguan terhadap struktur pengeluaran dan harga. Dalam negaramembangun, kawalan harga boleh membantu mencapai agihan sumber selaras dengan pelan pembangunan yang dirancang, memberi kestabilan dan membetulkan ketaksamaan yang mungkin timbul dalam proses pembangunan.

Terdapat satu lagi pandangan positif mengenai kawalan harga oleh John Kenneth Galbraith melalui bukunya bertajuk “A Theory of Price Control” yang diterbitkan padatahun 1952. Galbraith mencadangkan bahawa kawalan harga boleh dilaksanakan dan digunakan sebagai instrumen untuk menggerakkan sumber dan menstabilkan harga semasa berperangan dengan memastikan keseimbangan permintaan dan penawaran melalui menambah pegeluaran atau mengawal permintaan atau langkah-langkah lain. Dengan kata lain, Galbraith percaya bahawa kawalan harga boleh berjaya dalam situasitertentu. Walau bagaimanapun, dalam mengulas teori Galbraith tersebut, Colander (2002) berpandangan bahawa teori Galbraith mempunyai kelemahan dan kebanyakkanahli ekonomi tidak menerima teori tersebut.

Kebanyakan pandangan berkaitan kesan kawalan harga adalah bersifat teori. Namun, terdapat satu kajian empirikal oleh Spray dan Werker (2019) berkenaan kesan kawalanharga di Liberia. Regim kawalan harga di Liberia telah diperkenalkan pada tahun 1988dan telah diliberalisasikan pada tahun 2009. Sehubungan dengan itu, Spray dan Werker(2019) mempunyai data empirikal sebelum, semasa dan selepas liberalisasi kawalan harga. Kajian tersebut mendapati antara lain kawalan harga memang membantu mengekang kenaikan harga. Walau bagaimanapun, selepas kawalan harga dihentikan,

harga barangan yang dikawal menunjukkan peningkatan harga yang jauh lebih tinggi berbanding barangan yang tidak pernah dikawal. Dari segi bekalan, peningkatan bekalan barangan yang pernah dikawal adalah lebih rendah daripada barangan yang tidak pernah dikawal. Ini seolah-olah bertentangan dengan hipotesis yang mengatakan bahawa kawalan harga menyebabkan pengurangan bekalan.

Kajian oleh Haishaerjiang Wushouer (2022) turut mendapati bahawa kawalan kerajaan melalui peraturan kerajaan boleh mengurangkan harga dan perbelanjaan antibiotik terkawal harga. Untuk mengawal perbelanjaan yang semakin meningkat, selain peraturan had harga, faktor yang menentukan penggunaan ubat juga perlu dipertimbangkan dalam mereka bentuk dasar.Loh YSL(2023) menggunakan pemetaan pihak berkepentingan Mendelow, kajian ini memetakan pandangan pihak berkepentingan dalam pendekatan yang sistematik. Klasifikasi pandangan dan cadangan pihak berkepentingan yang berbeza membawa kepada cadangan untuk mengkaji semula amalan semasa dalam peraturan penetapan harga farmaseutikal dalam sistem penjagaan kesihatan Malaysia. Analisis boleh diperluaskan ke negara lain yang

menghadapi kebimbangan yang sama. Diego Aparicio (2021) ,mengkaji kesan kawalan harga yang didasarkan pada produk pasar raya di Argentina. Menggunakan harga harian untuk barangan terkawal dan tidak terkawal, kajian meneliti kesan ke atas inflasi, ketersediaan produk, keluar masuk, dan serakan harga. Pertama, kawalan harga hanya mempunyai kesan kecil dan sementara ke atas inflasi yang berbalik arah sejurus selepas kawalan ditarik balik. Kedua, bertentangan dengan kepercayaan umum, barangan terkawal tersedia secara konsisten untuk dijual. Ketiga, firma bertindak balas dengan memperkenalkan varieti baharu pada harga yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, keputusan kajian menunjukkan bahawa kawalan harga yang didasarkan adalah tidak berkesan seperti dasar kawalan harga yang lebih tradisional dalam mengurangkan inflasi agregat. Kajian oleh Justin-Damien Guénette (2021) memberikan tumpuan terhadap penggunaan kawalan harga meluas merentasi pasaran baru muncul dan ekonomi membangun, termasuk untuk makanan dan komoditi import dan eksport utama. Walaupun kadangkala ia digunakan sebagai alat untuk dasar sosial, kawalan harga boleh melembapkan pelaburan dan pertumbuhan, memburukkan lagi hasil kemiskinan, menyebabkan negara menanggung beban fiskal yang berat, dan menyukarkan pelaksanaan dasar monetari yang berkesan. Menggantikan kawalan harga dengan jaringan keselamatan sosial yang diperluas dan didasarkan dengan lebih baik, ditambah pula dengan pembaharuan untuk menggalakkan persaingan dan persekitaran kawal selia yang kukuh, boleh menjadi pro-miskin dan pro-pertumbuhan. Pembaharuan sedemikian perlu disampaikan dan disusun dengan teliti untuk memastikan penerimaan politik dan sosial. Di mana ia wujud, rejim kawalan harga harus telus dan disokong oleh dana penstabilan modal yang baik atau strategi lindung nilai negara untuk memastikan kemampunan fiskal Di Malaysia amalan kawalan harga turut disentuh oleh Alias bin Azhar et al. (2024) yang memberi fokus kepada Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 dan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP).Kajian yang dilakukan Menyimpulkan bahawa kawalan harga musim perayaan membantu melindungi pengguna, tetapi menegaskan keperluan penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan. Alias Azhar et al. (2023) turut menyentuh tentang hubungan kait antara kawalan harga dan struktur rantai bekalan. Kajian beliau mengesyorkan tentang keperluan terhadap sistem perundangan yang seragam bagi semua pihak dan penambahbaikan undang-undang sedia ada untuk menangani isu monopoli dan kenaikan harga tidak munasabah.

Berdasarkan kajian lepas dan situasi semasa ini terdapat jurang antara amalan harga dan cabaran dalam pelaksanaan amalan ini khususnya diperingkat penguatkuasaan. Walaupun kawalan harga banyak dibahaskan dalam teori ekonomi, kajian empirikal tentang cabaran pelaksanaannya di negara membangun seperti Malaysia masih terhad. Berdasarkan kepada tinjauan literatur ternyata terdapat keperluan untuk mengkaji keperluan terhadap amalan kawalan harga.

Objektif dan Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian literatur, kebanyakan pendapat adalah tidak memihak kepada kawalan harga. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia masih melaksanakan kawalan harga sebagai komitmen meringankan beban kos sara hidup. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merupakan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sektor perdagangan pengedaran namun pada masa yang sama juga bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengguna. Dilema ini dihadapi KPDN dalam melaksanakan dasar kawalan harga memandangkan kedua-dua pihak yang merupakan pemegang taruh utama Kementerian berada pada spektrum berlawanan dalam dasar ini. Pihak

pengguna lazimnya menuntut kawalan harga yang lebih komprehensif dan berpanjangan manakala pihak peniaga lebih memilih agar Kerajaan tidak mengawal harga.

Objektif kajian ini adalah:

- (i) untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi KPDN untuk melaksanakan dasar kawalan harga yang memenuhi keperluan kedua-dua pihak penggunadan peniaga; dan
- (ii) untuk mengenalpasti isu yang dihadapi oleh pengguna dan peniaga yang terkesan dengan pelaksanaan dasar ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah yang digunakan adalah kajian perpustakaan dan temubual. Kajian perpustakaan meliputi carian dan rujukan dokumen berkaitan seperti jurnal, buku, majalah, berita yang diterbitkan secara bertulis atau dalam talian dan dokumen-dokumen rasmi seperti hamparan Dewan Rakyat dan akta-akta berkaitan. Kaedah penyelidikan kualitatif mempunyai beberapa kelebihan, antaranya ialah keupayaan untuk meneroka isu secara mendalam, memahami pengalaman manusia secara kontekstual, dan menghasilkan data deskriptif yang kaya. Selain itu, kaedah ini juga fleksibel, membolehkan penyelidik menyesuaikan pendekatan mereka semasa proses penyelidikan. Pada masa yang kaedah kualitatif membolehkan penyelidik menyelidiki isu secara terperinci dan mendalam, mendapatkan pemahaman yang kaya tentang pengalaman, perspektif, dan makna yang diberikan oleh individu. Penyelidik boleh menyesuaikan soalan dan kaedah pengumpulan data semasa proses penyelidikan, membolehkan mereka bertindak balas terhadap penemuan baru dan menyesuaikan pendekatan mereka untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam. Kaedah kualitatif menghasilkan data deskriptif yang terperinci dan kaya, yang membolehkan penyelidik memahami secara holistik konteks sosial dan budaya yang mempengaruhi pengalaman manusia. Kaedah kualitatif juga dapat memfokuskan pada pemahaman perspektif dan pengalaman individu secara mendalam, membantu penyelidik memahami bagaimana individu memahami dan memberi makna kepada dunia di sekeliling mereka. Maklumat-maklumat sekunder seperti data inflasi, harga barang dan sebagainya turut diperolehi melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan KPDN.

Seterusnya bagi temubual pula, beberapa pegawai gred 41 ke atas di KPDN yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dasar kawalan harga telah dilibatkan sebagai informan. Kajian secara temu bual ini adalah mengenai cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan dasar kawalan harga dengan mengimbangi perlindungan pengguna dan kepentingan peniaga. Pemilihan pegawai yang terdiri dari kumpulan gred 41 sebagai informan dibuat berdasarkan kepada pengalaman kerja informan terbabit dalam melaksanakan dasar harga, kaedah penguatkuasaan serta penglibatan langsung mereka dalam merangka strategi kawalan harga serta pendedahan dan pengalaman di tempat kejadian. Maklumat yang diperolehi daripada informan adalah terbahagi kepada empat (4) iaitu:

- (i) berdasarkan pemerhatian informan, apakah isu yang sering dibangkitkan oleh pihak pengguna berkaitan kawalan harga?
- (ii) berdasarkan pemerhatian informan, apakah isu yang sering dibangkitkan oleh pihak industri/peniaga berkaitan pelaksanaan kawalan harga?
- (iii) sebagai pelaksana dasar dan pihak Kerajaan, apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kawalan harga?
- (iv) berdasarkan pengalaman informan, apakah cadangan mitigasi atau penambahbaikan yang

sesuai untuk menghadapi isu dan cabaran yang dibangkitkan oleh tiga (3) pihak iaitu pengguna, peniaga dan pelaksana dasar dalam kawalan harga?

Dasar Kawalan Harga Di Malaysia

Di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 (Akta 723), KPDM melaksanakan tiga (3) jenis kawalan harga iaitu:

- (i) penentuan harga maksimum barangan kawalan (tersenarai di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961);
- (ii) Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP); dan
- (iii) penentuan harga maksimum situasi khas.

A. PENENTUAN HARGA MAKSIMUM BARANGAN KAWALAN (TERSENARAI DI BAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961)

Peristiwa darurat yang berlaku di Tanah Melayu dari tahun 1948 hingga 1960 memberi impak ke atas bekalan barangan keperluan asas terutamanya bahan makanan. Oleh itu, Kerajaan menggubal Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memastikan bekalan bahan makanan dan keperluan asas dapat dikawal oleh pihak berkuasa dan boleh diperolehi oleh penduduk dari semasa ke semasa. Akta ini diwartakan pada 1 Januari 1961 dan dikuatkuasakan bermula 01 Julai 1963. Di bawah akta ini, Kerajaan telah mewartakan 43 jenis barangan kawalan. Daripada jumlah tersebut, 13 barangan tersenarai sebagai barang kawalan berjadual dan urus niaga memerlukan lesen di bawah akta ini. Daripada senarai tersebut, lima (5) barangan merupakan barangan bersubsidi dengan harganya dikawal di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu petrol RON 95, diesel, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum kegunaan am dan minyak masak sawit polibeg 1kg. Selain itu, barang kawalan lain yang dikawal tanpa subsidi adalah gula pasir putih, pelitup muka (perubatan) dan kit ujian pantas COVID-19.

Setakat ini, Kerajaan tetap meneruskan dasar pengekalan harga runcit bagi barang-barang bersubsidi seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai harga kawalan barangan bersubsidi yang dikawal selia oleh KPDM

Barangan	Harga kawalan	Harga kekal sejak
Petrol RON95	RM2.05/kg	10 Februari 2021
Diesel	RM2.15/kg	10 Februari 2021
Gas Petroleum Cecair (LPG – liquified petroleum gas)	RM1.90/kg	Jun 2015
Minyak Masak (Polibeg)	RM2.50/kg	1997
Tepung Gandum Kegunaan Am	RM1.35/kg	Mei 2007

Jadual 2 Harga kawalan barangan kawalan tanpa subsidi pula adalah seperti dibawah

Barangan	Harga kawalan	Punca Kuasa
Gula		
Gula Putih Bertapis Kasar	RM2.85/kg	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) No.3) 2018 P.U.(A) 225
Gula Putih Bertapis Halus	RM2.95/kg	

Pelutup Muka (Pembedahan/ Perubatan) Satu (1) Lapisan Dua (2) Lapisan Tiga (3) Lapisan N95	Harga maksimum: RM0.07/unit RM0.20/unit RM0.70/unit RM6.00/unit	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2020, P.U.(A) 312
Kit Ujian Pantas Antigen CO VID-19 (Ujian Kendiri)	Harga maksimum: RM19.90/unit	Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021, P.U.(A) 348

B. SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan adalah suatu skim kawalan harga yang dilaksanakan untuk menstabilkan kenaikan harga yang tidak berpatutan akibat permintaan yang tinggi semasa musim perayaan dan mencegah amalan mencatut di kalangan peniaga dalam tempoh tersebut. Skim ini telah dilaksanakan mulai tahun 2000 bagi semua perayaan utama di Malaysia seperti Tahun Baharu Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas. Kawalan harga dibuat di tiga (3) peringkat iaitu pengeluar, borong dan runcit. Barangan terpilih adalah terdiri daripada barangan makanan yang unik mengikut keperluan utama setiap perayaan tersebut. Sebagai contoh, bagi perayaan Deepavali, antara barang yang akan dikawal adalah kacang dal dan kambing; bagi perayaan Krismas antara lain adalah ayam belanda; bagi perayaan Hari Raya Puasa biasanya ayam, daging dan cili kering. Mengambil kira rantai bekalan setiap barangan, harga maksimum yang ditetapkan adalah berlainan mengikut kawasan iaitu Semenanjung, daerah-daerah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelaksanaan SHMMP dari peringkat perancangan sehingga penguatkuasaan merupakan usahasama semua pihak yang terdiri daripada agensi Kerajaan berkaitan, pihak industri dan juga persatuan pengguna. Gerak kerja dimulai di peringkat negeri yang mana pejabat KPDN Negeri perlu mengadakan libat urus bersama peniaga, pengimport, pengeluar, pemborong dan peruncit bagi mendapatkan cadangan barangan, harga kawalan dan tempoh pelaksanaan yang sesuai. Maklumat analisa data harga yang dikumpul oleh Bahagian harga Barangan Negara turut disediakan sebagai asas kepada pertimbangan harga kawalan yang sesuai. Maklumat-maklumat ini kemudiannya dikumpul dan dibincangkan di peringkat Kementerian yang turut melibatkan:

- (i) agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan lain-lain;
- (ii) pihak industri seperti pengeluar, pengilang, pengimport, penternak, pemborong, pembekal perkhidmatan pengangkutan, Dewan Perniagaan dan persatuan perniagaan; dan
- (iii) persatuan pengguna.

SHMMP yang terbaharu adalah SHMMP Tahun Baharu Cina 2024 yang dilaksanakan dari 6 hingga 14 Februari 2024. Semasa SHMMP ini, 11 barangan telah tersenarai iaitu babi hidup, daging babi (perut, *belly*), daging babi (daging dan lemak), kubis bulat import, lobak merah, lobak putih import, ubi kentang import (China), halia tua import, bawang putih, ikan bawal putih dan udang putih. Kawalan harga ini dikuatkuasa melalui Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2024 (P.U.(A) 39).

C. PENENTUAN HARGA MAKSIMUM SITUASI KHAS

Selain itu, Kerajaan turut menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ini untuk memperkenalkan kawalan harga bagi menangani situasi tertentu. Sebagai contoh kawalan terhadap minyak masak sawit tulen kemasan botol. Kerajaan telah melaksanakan Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS) dengan memberikan subsidi kepada minyak masak dalam bungkusan polibeg 1kg sahaja mulai November 2016. Sebanyak 60,000 metrik tan (mt) sebulan (atau 720,000 mt setahun) minyak masak 1 kg bersubsidi (polibeg) telah diedarkan untuk kegunaan pengguna diseluruh Negara agar pengguna boleh menikmati minyak masak mampu milik pada harga RM 2.50/kg sahaja. Sepatutnya jumlah ini adalah mencukupi bagi kegunaan 32.7 juta orang rakyat Malaysia mengikut nisbah 1 penduduk : 1.5 kg minyak masak sebulan.

Selain minyak masak polibeg 1 kg, minyak masak yang dibotolkan juga ada dijual di pasaran bagi memberikan pilihan kepada pengguna untuk membuat pilihan dan membeli mengikut selera dan kuasa membeli pengguna sendiri. Minyak masak botol tidak diberikan subsidi dan dijual mengikut harga pasaran berdasarkan mekanisme pengapungan harga. Oleh yang demikian, harga bagi minyak masak botol adalah tidak tetap dan berubah-ubah mengikut harga pasaran semasa. Harga pasaran minyak masak adalah ditentukan oleh harga minyak sawit mentah dunia dan lain-lain kos yang menyumbang kepada penentuan harga runcit minyak masak botol seperti kos operasi, kos bahan mentah (minyak masak mentah) dan kos pembungkusan.

Seperti yang digambarkan pada Carta 2, harga minyak sawit RBD (*Refined, Bleached, Deodorized*) telah mengalami peningkatan ketara bermula pertengahan tahun 2020 iaitu dari RM3,000/mt sehingga hampir mencecah RM5,000/mt pada sekitar Mei 2021. Kenaikan harga ini menyebabkan kenaikan harga runcit minyak masak botol sehingga melebihi RM30 bagi botol 5kg. Susulan hal ini, Kerajaan telah melaksanakan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) melibatkan kawalan harga minyak masak kemasan botol dan subsidi yang ditadbir oleh KPDN bagi meringankan kos sara hidup pengguna. Program MKHMM ini telah dilaksanakan bermula 1 Ogos 2021 dan berakhir pada 30 2022. Di bawah program ini, harga maksimum minyak masak botol ditetapkan pada RM29.70/5kg.

Carta 2: Trend Harga Minyak RBD Dan Harga Runcit Minyak Masak Botol 5kg Pelbagai Jenama

(Sumber: Harga RBD (MPOB) dan Harga Runcit Minyak Masak Botol (KPDN))

Berdasarkan Carta 3, program MKHMM ini menunjukkan kejayaan menurunkan harga runcit minyak masak botol. Selepas 2 minggu pelaksanaan, 98.02% minyak masak botol 5kg dijual di bawah paras harga kawalan. Subsidi minyak masak kemasan botol bagi Program MKHMM dihentikan mulai 1 Julai 2022 yang mana telah menyebabkan harga minyak masak kemasan botol di pasaran tempatan melonjak dengan ketara. Pada Julai 2022, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan harga siling bergerak melibatkan minyak masak kemasan botol bagi menggantikan Program MKHMM. Melalui kaedah siling bergerak ini tiada lagi subsidi diberikan kepada minyak masak botol. Siling ini ditetapkan berdasarkan pergerakan paras harga minyak sawit mentah. Siling terkini harga minyak masak botol adalah diwartakan pada 6 September 2023 melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan

Harga Maksimum) (No. 13) 2023 [P.U.(A) 269] iaitu RM30.90 sebotol (5kg), RM19.60 sebotol (3kg), RM13.30 sebotol (2kg) dan RM6.90 sebotol (1kg).



Carta 3: Taburan Harga Runcit Minyak Masak Botol 5kg Pelbagai Jenama
(Sumber: KPDN)

Satu lagi kajian kes kawalan harga disebabkan oleh situasi khas adalah penetapan harga maksimum ayam dan telur ayam. Pada penghujung tahun 2021, harga ayam dan telur ayam naik mendadak disebabkan keadaan pasaran semakin pulih selepas COVID-19. Permintaan terhadap ayam meningkat disebabkan restoran dan hotel kembali dibuka dan majlis-majlis keramaian boleh kembali dijalankan. Pada waktu berkenaan juga kospengeluaran ayam seperti harga dedak ayam dan sebagainya mula meningkat. Selain ayam dan telur ayam, beberapa jenis sayuran turut menunjukkan peningkatan ketara. Atas desakan pengguna dan keprihatinan Kerajaan ketika itu, Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia diperkenalkan dan berkuatkuasa dari 7 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021 melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 9) 2021. Di bawah skim ini harga ayam (ayam hidup, ayam bersih standard dan ayam super), telur ayam (gred A, B dan C), tomato, kubis bulat import, kacang panjang, sawi hijau, timun dan cili merah telah dikawal. Harga kawalanditentukan secara berlainan mengikut kawasan iaitu di Semenanjung, daerah-daerah di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Seksyen 6 Akta 723. Ini adalah kerana setiap kawasan mempunyai rantai bekalan yang berbeza. Kawalan harga barangan ini dilanjutkan sehingga 4 Februari 2022 melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 11) 2021.

Memandangkan harga ayam dan telur ayam masih lagi tinggi pada tahun 2022, kawalan harga terhadap ayam dan telur ayam diteruskan melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 3) 2022 yang berkuatkuasa dari 5 Februari 2022 hingga 5 Jun 2022. Kawalan ini berterusan hampir dua (2) tahun sehingga 31 Oktober 2023 melalui perintah-perintah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Akhirnya harga ayam kembali diapungkan mulai 1 November 2023 apabila bekalan telah pulih dan harga ayam berada di bawah paras harga kawalan. Namun kawalan terhadap telur ayam masih diteruskan sehingga kini melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 14) 2023.

Lanjutan pandemik COVID-19 juga, buat pertama kalinya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 digunakan untuk mengawal harga barangan di bawah kawal selia Kementerian lain iaitu vaksin COVID-19 di bawah seliaan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan semasa pandemik telah menerima banyak permohonan daripada kedutaan asing, kerajaan negeri dan pihak swasta yang berhasrat untuk membawa masuk dan membeli sendiri bekalan vaksin COVID-19 untuk mempercepatkan pemberian vaksin di kalangan anggota kerja masing-masing. Kementerian Kesihatan bersetuju vaksin yang dibeli sendiri ini boleh dijual kepada mana-mana kakitangan negeri, pihak swasta atau individu yang ingin mendapatkan vaksin dengan lebih cepat daripada hospital dan klinik perubatan swasta secara berbayar atas pilihan sendiri. Dalam pada itu, pemberian vaksin kepada senarai penerima di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kekal diberikan percuma.

Kerajaan bersetuju untuk menetapkan harga maksimum vaksin untuk mengelakkan harga jualan yang terlampau tinggi dan membebaskan untuk mendapatkan perlindungan imuniti. Vaksin untuk kegunaan manusia merupakan produk ubat-ubatan yang perlu diluluskan di bawah Akta Racun 1952 (Akta 366) dan Akta Jualan Dadah 1952 (Akta 368). Kedua-dua akta ini adalah di bawah kawal selia Kementerian Kesihatan. Sehubungan itu, penetapan harga maksimum vaksin dibuat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 tetapi penguatkuasaan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan melalui penurunan kuasa Timbalan Pengawal Harga dan Penolong Pengawal Harga kepada pegawai-pegawai farmasi Kementerian Kesihatan. Harga kawalan vaksin yang ditetapkan melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 (P.U.(A) 10) dan Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (Pindaan) 2022 (P.U.(A) 160) adalah seperti di Jadual 3. Perintah-perintah ini masing-masing berkuatkuasa mulai 15 Januari 2022 dan 20 Mei 2022.

Jadual 3: Harga kawalan vaksin.

Vaksin	Harga Maksimum (RM/dos)	
	Borong	Runcit
CoronaVac Suspension for Injection SARS-CoV-2 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (No. Pendaftaran: MAL21036010ARZ/MAL21046125ACSZ)	62.00	77.00
COVIL0 Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (No. Pendaftaran: MAL21076098AZ)	62.00	77.00

Kaedah kajian

Bagi melaksanakan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Rasional penggunaan kaedah kualitatif adalah untuk memahami fenomena secara mendalam dan menyeluruh dari perspektif peserta atau subjek yang dikaji. Kaedah ini sesuai digunakan ketika peneliti ingin mendapatkan gambaran yang kaya dan detail tentang pengalaman, pandangan, perasaan, dan makna yang diberikan oleh individu terhadap sesuatu.

Beberapa rasional utama penggunaan kaedah kualitatif:

1. **Memahami Konteks dan Makna:** Membantu peneliti memahami konteks sosial serta makna subjektif yang diberikan oleh peserta terhadap fenomena yang dikaji.
2. **Menggali Kedalaman Data:** Memberikan peluang untuk memperoleh data yang mendalam dan kompleks, bukan sekadar angka atau statistik.
3. **Fleksibiliti:** Membolehkan penyesuaian dan penyesuaian semasa proses pengumpulan data berdasarkan maklum balas peserta.
4. **Memfokuskan kepada Perspektif Peserta:** Menekankan pengalaman dan persepsi individu, sesuai untuk kajian fenomenologi, etnografi, dan kajian kes.
5. **Menjelaskan Fenomena Sosial dan Budaya:** Sesuai digunakan untuk mengkaji aspek dinamik dan konteks sosial budaya yang tidak mudah diukur secara kuantitatif.

Secara ringkas, kaedah kualitatif penting apabila fokus kajian adalah untuk memahami tentang pengalaman dan makna yang mendalam daripada perspektif peserta. Analisis tematik adalah metode penelitian yang digunakan untuk mengidentifikasi, menganalisis, dan melaporkan pola (tema) yang muncul dalam data kualitatif. Teknik ini sering digunakan dalam penelitian sosial, psikologi, dan bidang lain yang memanfaatkan data wawancara, dokumen, atau teks lainnya. Tujuan utama dari analisis tematik adalah memahami makna yang mendalam dari data dan menemukan tema-tema yang relevan dengan pertanyaan penelitian. Secara amnya temubual bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pemerhatian informan terhadap isu dan cabaran tiga(3) pihak iaitu Kerajaan, pengguna dan peniaga dalam pelaksanaan dasar kawalan harga. Memandangkan informan-informan ini merupakan kumpulan pegawai yang terlibat secara teknikal dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar kawalan harga, kami turut mendapatkan pandangan dan cadangan langkah-langkah mitigasi atau cadangan penyelesaian atau penambahbaikan yang sesuai diambil dalam menghadapi isu dan cabaran yang dinyatakan.

Responden atau informan kajian adalah tujuh (7) orang pegawai KPDN gred 41 ke atas yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar kawalan harga. Pegawai-pegawai ini terdiri daripada skim Tadbir dan Diplomatik (R1 dan R2), Penguatkuasa (R3, R4 dan R5), dan Pegawai Pemantau Harga (R6 dan R7). Kesemua informan bertugas di pejabat KPDN Putrajaya dan mempunyai pengalaman melebihi tiga (3) tahun dalam kerja berkaitan kawalan harga dan subsidi.

a) Isu Yang Dihadapi Pengguna

Masalah Bekalan


Barang kawalan selalu menghadapi masalah terputus bekalan di pasaran. Perkara ini sering dilaporkan di portal-portal berita seperti yang ditulis oleh Amree Ahmad (2022), Suraidah Roslan (2023) dan Anon (2024) mengenai isu bekalan gula, telur dan beras. R1 dan R3 memaklumkan bahawa apabila kos pengeluaran telah melebihi harga kawalan, pengeluaran akan

bertindak menghentikan atau mengurangkan bekalan. R4 turut memaklumkan bahawa mungkin juga terdapat kegiatan sorok bekalan yang mana peniaga akan menyorok bekalan dengan harapan dapat menjual semula bekalan tersebut apabila Kerajaan menaikkan harga kawalan atau mengapungkan harga. Di samping itu, R6 memaklumkan bahawa jika terdapat desas desus mengatakan harga akan naik, pengguna akan membuat pembelian panik pada kuantiti yang banyak dan menyumbang kepada gangguan bekalan di peringkat runcit.

“harga komoditi yang diimport bergantung sepenuhnya kepada pasaran antarabangsa. Sekiranya harga naik, misalnya harga gula mentah naik, ini merupakan sebahagian besar kos pengeluaran untuk mengeluarkan gula bertapis. Apabila kos pengeluaran melebihi harga kawalan, pengilang tiada pilihan selain daripada menghentikan pengeluaran atau berdepan dengan tindakan undang-undang melanggar penetapan harga maksimum oleh Kerajaan”

(R1)

Pemerhatian sama turut dilihat apabila bekalan tepung gandum bersubsidi berkurangan di pasaran bermula tahun 2022. Trend harga gandum dunia telah menunjukkan trend peningkatan mendadak bermula pada tahun 2021 seperti di Carta 4 sehingga melebihi 1,000USD/bushel berbanding sekitar 500USD/bushel sebelumnya.



Carta 4: Trend Harga Gandum Dunia (USD/Bushel) Sumber: tradingeconomics.com

Seperti dijangka, apabila harga dunia meningkat, kos pengeluaran tepung gandum akan meningkat dan berkemungkinan subsidi yang diberikan Kerajaan tidak mampu untuk menampung kenaikan tersebut. Ini mengakibatkan pengilang tidak mampu untuk mengeluarkan tepung bersubsidi tanpa melibatkan kerugian. Mary Victoria Dass (2022) melaporkan bahawa menjelang Mei 2022, premis-premis runcit seperti pasar raya dan kedai runcit alami 30 peratus kekurangan tepung gandum. Kebanyakan peruncit yang ditinjau melaporkan bahawa hanya mempunyai bekalan tepung gandum tidak bersubsidi manakala jenama tepung gandum bersubsidi semakin sukar diperolehi. Semakan terhadap buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024 mendapati butiran peruntukan untuk Program Subsidi Tepung Gandum di bawah maksud bekalan KPDN telah dikeluarkan.

Harga yang dikawal dirasai masih tinggi

Pengguna seboleh-bolehnya berharap Kerajaan mengawal harga pada paras yang rendah. Informan R2 memaklumkan bahawa hasil libat urus bersama pengguna sebelum memperkenalkan memperkenalkan program MKHMM, pengguna berharap agar Kerajaan dapat mengawal harga minyak masak botol pada paras RM25/5kg. Walau bagaimanapun, setelah mempertimbangkan semua faktor termasuk kos, Kerajaan hanya mampu mengawal harga pada paras RM29.70/5kg. Selain itu, informan R5 turut mendengar rungutan pengguna apabila ayam bersih standard (ayam bulat) dikawal pada harga RM9.40/kg. Pengguna sebenarnya masih berharap harga ayam masih seperti beberapa tahun lepas sekitar RM7-8/kg.

“kadang-kadang pengguna ini pun mempunyai tanggapan tidak realistik. Kalau boleh mereka mahu harga sama seperti 10 tahun yang lepas. Ini memang agak mustahil dalam keadaan ekonomi sekarang”

(R5)

Tiada pemantauan menyeluruh terutamanya di luar bandar

Apabila turun ke lapangan, R4, R6 dan R7 kerap menerima aduan pengguna bahawa pegawai jarang turun memantau ke kedai-kedai kecil. Menurut mereka kedai-kedai kecil ini yang ada sebahagiannya diuruskan oleh warga asing memang ingkar dan tidak mematuhi harga kawalan yang ditetapkan. Pengguna turut memaklumkan bahawa pekedai selalu menjual barang kawalan seperti minyak masak polibeg kepada orang-orang tertentu sahaja.

“apabila kami memantau harga di pasar, selalu pengguna datang mengadu pasal kedai-kedai aceh yang suka jual mahal tetapi tidak pernah ditangkap oleh KPDN. Dahla jual mahal, kalau minyak masak paket tu hanya kroni dia je dapat beli”

(R7)

Barangan yang dikawal terhad

Pengguna juga berharap agar Kerajaan menambah lagi jenis barangan yang dikawal. Buat masa ini Kerajaan hanya mengawal barangan keperluan asas sahaja. Informan R6 mengatakan bahawa dalam sesi-sesi turun padang, pengguna kerap memberikan cadangan agar Kerajaan mengawal lebih banyak barang malah termasuk barangan yang mempunyai pelbagai jenama dan pilihan seperti peralatan sekolah, susu kanak-kanak dan sebagainya.

“apabila kami buka booth promosi Price Catcher, ramai pengunjung bagi cadangan supaya Kerajaan tengok-tengokla nasib rakyat. Barang semua mahal. Ini Kerajaan kawal gula sahaja, tapi kopi milo teh semua mahal. Kawal ayam tapi nak masak ayam tu, bawang cili semua mahal. Susu budak pun mahal sekarang, budak nak sekolah pun mahal.”

(R6)

Tempoh kawalan terlampau singkat

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) biasanya dilaksanakan dalam tempoh beberapa hari sebelum hari perayaan sehingga beberapa hari selepas perayaan. Terbaharu adalah SHMMP Tahun Baharu Cina 2024 yang dilaksanakan selama 9 hari sahaja iaitu dari 6 hingga 14 Februari 2024 (4 hari sebelum perayaan, 1 hari perayaan, 4 hari selepas perayaan).

R5 dan R6 memaklumkan bahawa ramai pengguna berharap tempoh kawalan dipanjangkan memandangkan budaya masyarakat Malaysia mengamalkan rumah terbuka sehingga sebulan selepas perayaan.

“memandangkan saya bekerja bawah KPDN, ramai saudara mara cakap supaya Kerajaan kawal harga lama sikit. Kalau raya tu orang nak buat rumah terbuka, raya kan sebulan. Patutnya kawal la sampai sebulan.”

(R5)

b) Isu yang dihadapi peniaga

Tempoh kawalan terlampau panjang

Secara amnya, pihak industri atau peniaga memang tidak bersetuju dengan sebarang kawalan harga oleh Kerajaan. Pihak industri berpandangan biar pasaran menentukan harga berdasarkan penawaran dan permintaan. Oleh itu, pihak industri memaklumkan bahawa tempoh kawalan yang terlampau panjang seperti kawalan harga ayam dan telur ayam sejak Februari 2022 telah mengganggu perkembangan industri ayam. Kawalan harga yang panjang juga menjejaskan peniaga kecil seperti penjual ayam di pasar basah yang hasil pendapatannya bergantung pada penjualan ayam semata-mata. Apabila Kerajaan mengawal harga, margin keuntungan di peringkat runcit amat kecil dan menjejaskan pendapatan harian golongan ini.

“penjual ayam di pasar selalu mengeluh setiap kali nampak muka saya turun pantau harga. Katanya sehari dapat jual dalam 100 ekor ayam. Untung kadangkala kadang berapa ringgit je untuk seekor ayam. Kos hidup makin naik, meniaga tak untung, dapat penat je.”

(R7)

Peniaga barang mudah rosak seperti sayur-sayuran juga tidak bersetuju dengan tempoh kawalan yang panjang. Menurut R4, harga barangan segar tidak menentu dan terdedah dengan banyak faktor seperti cuaca dan sebagainya. Bila Kerajaan mengawal harga dalam tempoh yang panjang, peniaga berdepan dengan risiko kerugian apabila tidak boleh menampung kerugian pada hari-hari tertentu dengan jualan pada hari lain.

Harga kawalan terlampau rendah

Sekiranya Kerajaan tidak memberikan subsidi, sepatutnya harga kawalan tidak boleh lebih rendah daripada kos pengeluaran/pengedaran kerana peniaga tidak akan beroperasi dalam keadaan rugi. Sekiranya Kerajaan menetapkan harga yang lebih rendah, isu putus bekalan biasanya akan terjadi. Seperti yang dilaporkan oleh Faiz Zainudin (2024), Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia berpandangan bahawa harga beras tempatan RM26 bagi 10kg tak wajar lagi sebab kos bahan input untuk pesawah tinggi. Ini mengakibatkan tiada beras tempatan dijual di pasaran sekarang.

Dalam pada itu, sekiranya kerajaan memperkenalkan subsidi demi memastikan harga rendah, ini akan memberikan beban besar terhadap kemampuan fiskal Kerajaan. R1 dan R2 berpandangan bahawa kawalan harga dengan subsidi juga akan menyebabkan wujudnya sistem kuota kepada pengilang memandangkan kemampuan kewangan Kerajaan adalah terhad.

Pengilang yang tidak mendapat kuota akan kerugian besar. Selain itu, sekiranya bayaran subsidi tertangguh, ini juga turut menjejaskan pengeluaran.

R2 memaklumkan bahawa di bawah program MKHMM kawalan harga hanya dikenakan di peringkat runcit. Sehubungan dengan itu, peruncit besar (pasaraya) akan menuntut rebat daripada pengilang sekiranya harga kawalan ditetapkan pada harga lebih rendah daripada harga belian dari kilang. Pengilang terpaksa menanggung kerugian apabila terpaksa memenuhi permintaan rebat daripada pemborong dan peruncit.

“supermarket akan tuntutan rebat dari pengilang kalau harga kawalan runcit lebih rendah dari harga pengilang. Pengilang mengadu dan merasakan mereka pula membayar subsidi bagi pihak Kerajaan.”

(R2)

Kerajaan sukar menaikkan harga kawalan

Perubahan mekanisme penetapan harga MKHMM (bersubsidi) kepada (tidak bersubsidi) yang berdasarkan kepada harga sawit mentah (CPO) sukar dilaksanakan sepenuhnya. Kerajaan cepat bertindak menurunkan harga kawalan apabila harga minyak sawit mentah turun, tetapi apabila harga meningkat Kerajaan teragak-agak untuk menaikkan harga kawalan. Ini menyebabkan pihak industri beroperasi pada keadaan yang tidak menguntungkan.

“ini masalahnya apabila Kerajaan dianggap hero semasa menurunkan harga sahaja. Terperangkap dengan sentimen populis ini, Kerajaan takut untuk menaikkan harga selaras dengan keadaan sebenar pasaran. Rakyat sepatutnya sedar, ada tindakan yang betul terpaksa dilakukan walaupun tidak disukai demi kelangsungan ekonomi secara keseluruhan dan jangka panjang.”

(R2)

c) Cabaran Pelaksana Dasar

Mengenalpasti Harga Kawalan Yang Sesuai

Cabaran utama Kerajaan dalam melaksanakan dasar kawalan harga adalah mengenalpasti paras harga kawalan yang sesuai. Harga tersebut hendaklah dapat dipatuhi oleh pihak industri dan tidak menjejaskan bekalan. Harga yang terlampau tinggi menjadikan kawalan harga tersebut tidak mencapai objektif yang diharapkan manakala harga yang terlampau rendah akan menjejaskan pasaran atau memerlukan suntikan subsidi dari Kerajaan.

Mengambil contoh SHMMP, sebelum pelaksanaan, KPDN membuat libat urus dan perbincangan yang komprehensif dengan semua pihak berkepentingan dalam mengenalpasti barang yang sesuai, harga kawalan yang tepat dan tempoh pelaksanaan yang wajar. Memandangkan pelaksanaan kawalan harga merupakan dasar yang populis, pihak pengurusan tertinggi cenderung untuk memilih kadar harga yang paling rendah walaupun harga yang dicadangkan oleh pasukan kerja telah dibincangkan bersama pihak-pihak terbabit. Keadaan ini menyukarkan pelaksanaan dan penguatkuasaan memandangkan pihak peniaga tidak mampu mematuhi harga kawalan yang terlampau rendah dan ada yang terpaksa tidak menjual barang kawalan tersebut dalam tempoh kawalan.

“kadang-kadang penat juga. Selepas berhempas pulas berunding dengan pihak industri dan agensi lain untuk mendapatkan paras harga kawalan yang sesuai, meeting berhari-hari, apabila dibentangkan kepada pihak atasan, diminta untuk rendahkan harga sedangkan kita tahu harga ini tidak masuk akal dan peniaga tidak akan dapat patuh.”

(R4)

Manipulasi Harga dan Spesifikasi Barang

SHMMP telah dilaksanakan sejak tahun 2000 dan kini telah berusia 24 tahun. Peniaga telah memahami mekanisme pelaksanaan SHMMP ini memandangkan telah terlibat juga dalam proses penetapan dasar kawalan harga ini. Peniaga maklum bahawa KPDN mengutip data harga barang di lapangan dan menggunakan paras harga semasa untuk menetapkan harga kawalan yang sesuai. R6 dan R7 memaklumkan bahawa biasanya terdapat trend kenaikan harga dikesan beberapa minggu sebelum SHMMP dijangka dilaksanakan. Ini berkemungkinan usaha para peniaga untuk memastikan data harga yang digunakan untuk menetapkan harga kawalan adalah tidak terlampau rendah. Fenomena ini juga mungkin persediaan peniaga mengaut keuntungan awal sebagai timbal balik kadar keuntungan yang dijangka rendah semasa tempoh SHMMP.

“selepas biasa melihat pergerakan harga barang bertahun-tahun, kami perasan sebelum SHMMP akan terdapat sedikit kenaikan harga barang yang biasa tersenarai dalam SHMMP. Mungkin peniaga risau KPDN tetapkan harga rendah semasa SHMMP.”

(R6 dan R7)

Di samping itu, peniaga juga mempunyai jalan keluar dari rejim kawalan harga dengan menukar spesifikasi barangan. Sebagai contoh, spesifikasi barang yang dikawal adalah ayam bersih standard (ayam bulat bersama kepala, kaki, hati dan hempedal). Peniaga boleh mengelak untuk mematuhi harga kawalan sekiranya ayam dipotong separuh dan dijual sebagai ayam separuh. Peniaga juga akan menaikkan harga barangan setara di luar spesifikasi barangan yang dikawal. Sebagai contoh, apabila Kerajaan mengawal telur ayam gred A, B dan C, peniaga mengeluarkan telur gred D, E atau telur omega, telur jumbo dan sebagainya. Hasilnya telur gred A, B dan C yang dikawal tersebut dikurangkan pengeluarannya dan diganti dengan gred lain yang berharga lebih tinggi.

“peniaga ni kadang-kadang pandai mencari loophole SHMMP. Bila kita kawal harga ayam bulat, dia jual ayam potong separuh. Ada juga yang perkenalkan daging premium dengan membuang semua lemak dari daging supaya tidak perlu jual pada harga kawalan.”

(R4)

Ketirisan

R1 dan R2 berpandangan bahawa apabila wujud jurang yang besar antara harga kawalan dan harga pasaran sebenar, akan wujud ruang ketirisan penyeludupan ke negara jiran yang mana harga lebih tinggi. Harga barangan bersubsidi di Malaysia jauh lebih rendah berbanding harga di negara jiran yang bersempadan dengan Malaysia seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

“semakin tinggi jurang harga, semakin banyak ketirisan berlaku disebabkan perbuatan itu menjanjikan pulangan keuntungan yang tinggi berbanding risiko ditangkap. Ini juga membuka ruang dan peluang salah laku rasuah terhadap pegawai Kerajaan terlibat.”

(R1)

Jurang harga juga wujud antara harga pengguna biasa dan harga industri. Contohnya, gas petroleum cecair (LPG) yang disubsidi adalah dijual kepada pengguna isi rumah menggunakan silinder 14kg. Memandangkan harganya jauh lebih murah daripada harga industri, terdapat kegiatan ‘decanting’ iaitu memindahkan LPG bersubsidi ke silinder industri untuk dijual pada harga yang lebih mahal.

Keadaan yang sama juga berlaku terhadap diesel bersubsidi. Suzalina Halid (2023) melaporkan bahawa semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri menyatakan bahawa terdapat ketirisan subsidi diesel berjumlah hampir RM10 bilion sepanjang tahun 2022. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Ahmad Fadhlullah Adnan (2023), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bahawa harga subsidi yang ditetapkan untuk diesel ialah RM2.15 seliter berbanding harga pasaran semasa RM3.75 seliter untuk pengguna persendirian. Dengan itu, kerajaan menanggung RM1.60 sen bagi setiap liter diesel atau sekitar RM1.5 bilion keseluruhannya. Bagaimanapun, katanya, data penggunaan menyaksikan jualan diesel bersubsidi meningkat sehingga 40 peratus sejak 2019, tetapi kenderaan menggunakan diesel hanya meningkat kurang tiga peratus. Justeru, katanya, ia menunjukkan kemungkinan ketirisan dan aktiviti penyeludupan susulan harga diesel yang murah.

Beban kewangan dan pengurusan Kerajaan

Bagi tujuan kawalan harga di bawah paras harga pasaran, Kerajaan perlu memperkenalkan subsidi pada jumlah yang tinggi. Menteri Kewangan Malaysia melalui kenyataan media pada tahun 2021 mengatakan bahawa subsidi produk petroleum petrol RON95, diesel dan LPG serta minyak masak bersubsidi dijangka meningkat dengan mendadak berikutan peningkatan harga komoditi di peringkat global. Kerajaan pada masa itu menjangka bakal menampung subsidi sehingga RM8.0 bilion, iaitu RM4.22 bilion lebih tinggi dari RM 3.78 bilion yang diperuntukkan. Jumlah subsidi bagi empat barangan ini adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Nilai subsidi Kerajaan bagi bahan petroleum dan minyak masak (Sumber: Kementerian Kewangan)

Bil.	Perkara	Nilai Subsidi Kerajaan
1	Perbelanjaan 2019	RM6.32 bilion
2	Perbelanjaan 2020	RM2.16 bilion
3	Peruntukan 2021	RM3.78 bilion
4	Unjuran 2021	RM8.0 bilion

Pada 25 Jun 2022, Menteri Kewangan mengeluarkan kenyataan media bahawa jumlah subsidi untuk produk petroleum petrol RON95, diesel dan LPG serta minyak masak bersubsidi untuk 2021 adalah RM15.4 bilion iaitu jauh lebih tinggi dari unjuran RM8 bilion pada tahun 2021 di atas. Bagi tahun 2022 pula, unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang setakat tarikh kenyataan media tersebut (25 Jun 2022) adalah RM51 bilion. Subsidi kepenggunaan ini

meliputi petrol, diesel, LPG, minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat (tidak termasuk bantuankebajikan) dari tahun 2018 – 2022 adalah seperti berikut Jadual 5.

Jadual 5: Jumlah subsidi kepenggunaan 2018-2021 dan unjuran 2022.(Sumber: Kementerian Kewangan)

Item	Jumlah Subsidi Tahunan (RMBilion)				Unjuran 2022(RM Bilion)
	2018	2019	2020	2021	
Petrol, Diesel, LPG	7.4	6.1	1.6	13.2	37.3
Minyak Masak Polibeg	0.4	0.3	0.5	2.2	4.0
Subsidi Kepenggunaan lain (elektrik, ayam, telur dan lain-lain)	0.5	0.9	0.6	1.1	9.7
Jumlah	8.3	7.3	2.7	16.5	51.0

Apabila ditambah dengan bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Kebajikan Masyarakat, termasuk Bantuan Keluarga Malaysia - BKM (RM11.7 bilion), dan lain lain-lain subsidi(RM14.6 bilion), jumlah keseluruhan subsidi 2022 setakat ini adalah RM77.3 bilion. Initurut mengambil kira bantuan tunai tambahan RM630 juta, yang meningkatkan jumlah BKM Fasa 2 bagi golongan berpendapatan rendah kepada RM1.74 bilion mulai 27 Jun2022 dan subsidi elektrik bernilai RM5.8 bilion untuk separuh tahun kedua bagimemastikan tiada kenaikan tarif elektrik mulai 1 Julai 2022. Seterusnya melalui kenyataan media bertarikh 30 Jun 2022, Menteri Kewangan mengumumkan bahawa peruntukan subsidi 2022 telah ditambah sebanyak RM370 juta bagi bulan Julai dan Ogos, menjadikan unjuran perbelanjaan subsidi bagi tahun 2022 kini berjumlah RM77.7 bilion berikutan keputusan Kerajaan melaksanakan subsidi ayam dan telur. Jumlah ini merupakan jumlah subsidi tertinggi di dalam sejarah yang pernah ditanggungoleh mana-mana Kerajaan. Dalam pada itu, subsidi menyeluruh (*blanket subsidies*) yang meliputi petrol, diesel, air dan elektrik turut memberi manfaat besar kepada golongan M40 dan T20.

Selain daripada perbelanjaan subsidi, Kerajaan juga perlu mengeluarkan sumber kewangan untuk aset dan tenaga kerja bagi tujuan pengurusan kawalan harga termasuk perlesenan barangan kawalan, pengumpulan dan analitik data, membanteras ketirisan dan aktiviti penguatkuasaan lain yang berkaitan.

Bagi tujuan pengumpulan dan analitik data, Kerajaan melantik sekitar 1,000 orang Pegawai Pemantau Harga pada gred setara 41 secara “*contract for service*” sejak tahun2008. Pegawai-pegawai ini ditempatkan di pejabat-pejabat KPDN seluruh negara. Tugas utama pegawai-pegawai ini adalah membuat kutipan harga di lapangan secara konsisten mengikut yang ditetapkan. Data-data ini digunakan sebagai rujukan dalam merangka dasar kawalan harga di KPDN. Data ini juga dikongsikan bersama pengguna melalui aplikasi mudah alih PriceCatcher yang membolehkan pengguna menyemak harga barang di premis-premis sekitar lokasi untuk memilih premis yang menawarkan harga terbaik. Merujuk kepada buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, di bawah maksud Bekalan 25, butiran 040300 Program Khusus, Kerajaan memperuntukkan RM41 juta untuk Emolumen Pegawai Pemantau Harga bagi tahun 2024. Bagi tujuan membanteras ketirisan, Kerajaan melancarkan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran. Irwan Shafrizan Ismail (2023) melaporkan bahawa KPDN melancarkan OPS

TIRIS pada 1 Mac 2023 yang bertujuan membanteras penyelewengan dan penyeludupan minyak diesel bersubsidi yang telah menyebabkan kerugian besar kepada Kerajaan serta mengakibatkan ketirisan berlaku setelah sebahagian bekalan diesel bersubsidi tidak sampai kepada golongan sasar. Operasi berkenaan akan berterusan selama enam (6) bulan sehingga 31 Ogos ini bagi mengekang isu yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023 membabitkan ketirisan subsidi bahan bakar itu sebanyak RM10 bilion pada 2022.

KPDN seterusnya telah melanjutkan tempoh pelaksanaan OPS TIRIS kepada Fasa 2.0 sehingga 31 Disember 2023. Melalui kenyataan media bertarikh 24 Ogos 2023, KPDN memaklumkan bahawa OPS TIRIS 2.0 akan memperluaskan skop siasatan meliputi rantai bermula daripada sumber pembelian bekalan sehingga kepada pembeli haram (*illicit buyer*). Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran terperinci berhubung keseluruhan rantai pasaran gelap minyak diesel yang disyaki turut melibatkan sindiket. Melalui OPS TIRIS 2.0 juga KPDN akan merintis risikan terhadap ketirisan subsidi lain seperti LPG, minyak masak, beras dan gula. OPS TIRIS kini telah memasuki fasa 3.0 apabila dilanjutkan lagi mulai 1 Januari 2024.

Operasi besar-besaran pada skala ini memerlukan komitmen yang tinggi dari segi utilisasi tenaga kerja dan aset. Dengan kekuatan anggota sekitar 2,300 orang pegawai skim penguatkuasa di bawah KPDN di seluruh negara (Anon, 2020), tugas amat mencabar memandangkan KPDN bukan sahaja perlu menguatkuasakan dua (2) akta berkaitan kawalan harga tetapi juga sembilan (9) akta lain di bawah Kementerian.

D) Cadangan Penambahbaikan

Pembuatan Keputusan Berpacuan Data

Keputusan berkaitan kawalan yang tidak tepat akan memberi kesan buruk kepada pasaran yang akhirnya akan menjejaskan semua pihak. Adalah penting untuk memastikan keputusan yang dibuat terutamanya penetapan paras harga kawalan dibuat dengan objektif dan rasional tanpa dipengaruhi agenda tertentu. KPDN boleh mengadaptasi teknologi terkini berkaitan analitik data untuk membantu membuat keputusan yang lebih cepat dan tepat. Usaha ini juga selaras dengan Teras Strategik 1 di bawah Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 iaitu pemanfaatan kepintaran data untuk melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data.

“buat masa ini, kami memerlukan masa yang lama untuk membuat kerja analisa data memandangkan perisian yang ada hanya Microsoft Excel sahaja. Bukan semua pegawai juga mempunyai kemahiran untuk menggunakan excel. Jadi beban tu sangat berat kepada beberapa orang yang mahir sahaja. Beban kerja kami bukan setakat memproses berjuta-juta data tetapi turut memikirkan bagaimana untuk menyediakan visual data tersebut agar mudah difahami pihak pengurusan yang biasanya tidak berminat dengan angka sahaja.”

(R6)

Kerajaan juga harus bersedia untuk menetapkan harga mengikut keadaan pasaran terutamanya sekiranya harga perlu dinaikkan sekiranya mekanisme yang dipersetujui dengan pihak industri adalah bergantung kepada harga pasaran. Kerajaan tidak boleh membuat keputusan yang tidak

konsisten seperti hanya menurunkan harga apabila hargapasaran turun tetapi enggan menaikkan harga semasa harga pasaran naik.

“kawalan harga ini tidak boleh dibuat secara silo. Kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak industri memandangkan ada insight atau data tertentu ada pada pihak industri. Kerajaan dan industri perlu saling mempercayai bagi membolehkan mekanisme kawalan harga berjaya. Apabila Kerajaan tidak konsisten dalam membuat keputusan, berkemungkinan besar pihak industri jugasukar memberikan maklumat secara telus kepada Kerajaan.”

(R2)

Kerjasama bersama agensi kerajaan lain dan orang awam

Bagi meringankan beban tugas penguatkuasaan kawalan harga, KPDN boleh bekerjasama dengan agensi lain seperti agensi-agensi di bawah KPKM dan agensi- agensi keselamatan untuk memantau pematuhan kawalan harga dan juga mencegah ketirisan. Melalui kerjasama ini sumber Kerajaan dapat digunakan secara optimum danberkesan. Kerjasama seumpama ini bukanlah sesuatu yang baharu. OPS TIRIS misalnya adalah operasi yang melibatkan lima (5) kementerian dan lapan (8) agensi kerajaan termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Agensi lain ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerak Am (PGA), Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Dari segi pematuhan kawalan harga, KPDN perlu mendapatkan kerjasama pengguna. Adalah mustahil untuk pegawai KPDN memantau harga di setiap premis dan sepanjangmasa. Oleh itu, orang awam atau pengguna hendaklah diberi penerangan untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan harga kepada KPDN secara teratur bagi membolehkan tindakan perundangan diambil.

“kami selalu terima aduan bahawa peniaga hanya menjual pada harga kawalan bila ada pegawai KPDN depan mata sahaja. Bila kita nasihatkan untuk buat aduan menggunakan saluran yang betul, kebanyakan jawab tak tahu cara. Mungkin kita perlu perbanyakkan komunikasi mengenai kesedaran dan cara membuat aduan. Kami sukar mengambil tindakan di bawah undang-undang sediaada kalau setakat luahan di media sosial tanpa bukti”

(R5)

Selain itu, sentimen pengguna yang bergantung harap sepenuhnya kepada Kerajaan dalam menangani inflasi juga merupakan faktor pendorong Kerajaan masih melaksanakan kawalan harga. Kerajaan patut mengukuhkan pelan komunikasi dan menjelaskan kepada pengguna bagaimana penetapan harga dibuat. Kerajaan juga wajar memberi kesedaran kepada pengguna bahawa usaha menangani inflasi dan kos sara hidup merupakan tanggungjawab bersama.

Menggalakkan Persaingan Dan Perniagaan Beretika

Kawalan harga sepatutnya dijadikan antara jalan terakhir dalam memastikan harga yang ditawarkan adalah munasabah. Kerajaan boleh mempromosikan etika perniagaan yangsihat seperti memberikan pengiktirafan atau penarafan kepada peniaga yang mempunyai amalan terbaik. Usaha juga boleh diadakan bersama institusi-institusikeagamaan untuk menerapkan pencarian keberkatan dalam perniagaan.

Antara bukti kejayaan Kerajaan berjaya menurunkan harga dengan menggalakkan persaingan adalah kes ujian sendiri COVID-19. Pada 21 Julai 2021, Kementerian Kesihatan sudah memperakui kit ujian sendiri Covid-19 yang diberi kelulusan bersyarat untuk diimport dan diedarkan di seluruh negara. Faezah Muda (2021) melaporkan kit ujian ini pada awalnya diumumkan boleh dibeli di mana-mana farmasi yang berdaftar. Namun dalam kemaskini terbaru, MySejahtera telah bekerjasama dengan pharma2u dan kit tersebut boleh dibeli secara dalam talian. Harga kit ini pada awalnya di sekitar RM40-RM50 seunit.

Saadiah Ismail (2021) melaporkan pada 6 November 2021, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan senarai terkini 58 kit ujian sendiri COVID-19 yang telah diberi kelulusan bersyarat oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA). Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kit ujian sendiri diluluskan itu dijual di farmasi komuniti, fasiliti kesihatan dan premis yang berdaftar dengan KPDN sahaja. KPDN telah meluluskan sebanyak 2,570 premis perniagaan berdaftar di bawah kategori pasar raya, rangkaian kedai serbaneka dan stesen minyak untuk menjual kit ujian sendiri jenis RTK Antigen.

Hasil daripada peningkatan senarai kit yang diluluskan serta premis jualan yang meluas dan tidak hanya dihadkan kepada farmasi dan fasiliti perubatan sahaja, harga kit didapati telah menurun. Kerajaan dapat menetapkan harga runcit maksimum kit ini pada RM19.90/unit mulai 5 September 2021 melalui Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 7) 2021 (P.U.(A) 348). Veena Rusli dan Mohd Iskandar Ibrahim (2021) melaporkan bahawa pada bulan Oktober 2021, KPDN sedang mengkaji kemungkinan untuk menurunkan lagi harga kawalan berkenaan. Menteri KPDN, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ketika ditemui menyatakan bahawa pihaknya sudah menjalankan libat urus bersama pemain industri, peniaga, pengimport, Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) berhubung perkara berkenaan. Pada ketika itu, terdapat lebih 40 pengedar dan penjual kit ujian terbabit yang berdaftar dengan MDA iaitu meningkat berbanding 18 sebelum ini. Beliau seterusnya berkata bahawa ini bermakna Kerajaan sudah meningkatkan persaingan dan dengan adanya persaingan serta pelbagai jenama di pasaran, sudah semestinya harga akan turun dengan sendirinya.

“walaupun Kerajaan masih mengekalkan harga maksimum kit ujian COVID pada RM19.90, terdapat banyak pilihan sekarang dan ada kit yang dijual di bawah RM10. Jadi kawalan harga yang kita tetapkan ini sekarang hanya berfungsi sebagai siling untuk mengelakkan peniaga menaikkan harga melampau.”

(R3)

Bantuan Sosial Bersasar

Kawalan harga dan subsidi tidak sepatutnya dilaksanakan berpanjangan. Kos subsidi akan memberi kesan kepada keupayaan fiskal negara jangka panjang yang manaperuntukan untuk

pembangunan masa hadapan digunakan untuk menampung perbelanjaan semasa. Sungguhpun begitu, terdapat golongan rentan yang memerlukan bantuan. Kerajaan wajar merangka bantuan sosial yang lebih bersasar berbanding intervensi secara kawalan harga dan subsidi pukal.

Usaha ini telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan melalui pengumuman bahawa Kerajaan berhasrat untuk merasionalisasikan subsidi diesel secara berfasa. Secara konsepnya, harga diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan barangan. Sementara pengguna lain akan dikenakan harga yang lebih tinggi. Dengan pendekatan tersebut, ia dapat mengurangkan ketirisan subsidi tetapi pada masa yang sama, mengurangkan impak kepada harga barangan untuk rakyat.

“mekanisme pelaksanaan rasionalisasi subsidi nanti perlu dilaksanakan dengan berhati-hati. Pendapat peribadi saya lebih memilih agar bantuan tunai diberikan terus kepada individu layak untuk menampung perbezaan harga berbanding harga jualan berbeza-beza di premis. Kita khuatir ada pula golongan penerima subsidi ambil kesempatan jual semula barang subsidi yang dia dapat murah.”

(R1)

Kesimpulan

Walaupun pakar-pakar ekonomi memberikan pandangan negatif terhadap kawalan harga, mekanisme ini masih menjadi pilihan Kerajaan terutamanya negara-negara membangun seperti Malaysia demi melindungi pengguna dari impak inflasi. Langkah ini juga dilihat populis dan memberikan kelebihan politik memandangkan sebahagian besar rakyat iaitu pengguna memang menyambut baik intervensi kerajaan dalam menurunkan harga barang. Namun, demi mengelakkan kesan yang menjejaskan ekonomi pada masa panjang, Kerajaan harus berhati-hati dalam melaksanakan kawalan ini agar peniagaan atau industri yang terkesan tidak terbantut atau lebih teruk lagi keluar dari pasaran. Kesan ini akan turut dirasakan pengguna pada akhirnya apabila berlaku gangguan bekalan dan ekonomi kurang berkembang maju. Kawalan harga tidak harus dijadikan satu-satunya cara Kerajaan menangani inflasi. Di samping kawalan harga, Kerajaan patut juga menggalakkan persaingan dan etika perniagaan baik bagi memastikan pasaran sihat yang seterusnya dapat menawarkan harga munasabah kepada pengguna tanpa campur tangan Kerajaan.

Rujukan

- Ahmad Fadhlullah Adnan. 2023. Belanjawan 2024: Kerajaan berhasrat rasionalisasi subsidi diesel bersasar. *Utusan Malaysia*. 13 Oktober 2023. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/belanjawan-2024-kerajaan-berhasrat-rasionalisasi-subsidi-diesel-bersasar/>. [10 Januari 2024]
- Alias bin Azhar Jaminan Perlindungan Pengguna dalam Kerangka Perundangan Kawalan Harga Barang pada Musim Perayaan di Malaysia” (2024) *International Journal of Law, Government and Communication*
- Alias Azhar, Nazli Mahdzir, Nor Anita Abdullah, Yusramizza Md Isa & Fathiyah Abu Bakar (2023) “Kuatkuasa Kawalan Harga Barang dan Rantaian Bekalan dalam Kerangka Perundangan di Malaysia” *International Journal of Law, Government and Communication*
- Amree Ahmad. 2022. Salahuddin akui telur ayam tiada di pasaran. *Kosmo Digital*. 5 Disember 2022. <https://www.kosmo.com.my/2022/12/05/salahuddin-akui-telur-ayam-tiada-di-pasaran/>. [10 Januari 2024]
- Anon. 2020. 2,300 pegawai penguatkuasa KPDNHEP pastikan bekalan makanan mencukupi. 18 April 2020. <https://malaysiagazette.com/2020/04/18/2300-pegawai-penguatkuasa-kpdnhep-pastikan-bekalan-makanan-mencukupi/>. [21 Januari 2024].
- Anon. 2023. Mekanisme Kawalan Harga Di Malaysia Menyebabkan Kekurangan Bekalan Berbanding Menurunkan Kos Sara Hidup – Bank Dunia. 9 Februari 2023. <https://www.dagangnews.com/article/mekanisme-kawalan-harga-di-malaysia-menyebabkan-kekurangan-bekalan-berbanding-menurunkan-kos-sara-hidup-bank-dunia-23755>. [14 Januari 2024]
- Anon. 2024. Tiga bulan beras tempatan tiada di pasaran. 16 Februari 2024. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-bulan-beras-tempatan-tiada-di-pasaran-458483>. [16 Februari 2024]
- Colander, D. 1984. Galbraith and the Theory of Price Control. *Journal of Post Keynesian Economics*, 7(1), 30–42. <http://www.jstor.org/stable/4537862>
- Cowen, T. and Tabarrok, A. 2015. *Modern Principles of Economics*. Edisi Ke-3. New York: Worth Publisher.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2010. Perbahasan Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. 13 Oktober 2010: 48-82 Parlimen Kedua Belas Penggal Ketiga. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-13102010.pdf>. [10 Januari 2024]
- Diego Aparicio and Alberto Cavallo* TARGETED PRICE CONTROLS ON SUPERMARKET PRODUCTS The Review of Economics and Statistics, March 2021, 103(1): 60–71
- Faezah Muda. 2021. Orang ramai kini boleh beli kit ujian sendiri Covid-19 menerusi aplikasi MySejahtera. Ini caranya. *Sinar Plus. Sinar Harian*. 2 Ogos 2021. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/orang-ramai-kini-boleh-beli-kit-ujian-kendiri-covid-19-menerusi-aplikasi-mysejahtera-ini-caranya/>. [1 Februari 2024].
- Faiz Zainudin. 2024. Bekalan beras tak cukup masih isu walaupun harga baharu ‘sesuai’, kata pengusaha. *Free Malaysia Today*. 17 Februari 2024. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/17/bekalan-beras-tak-cukup-masih-isu-walaupun-harga-baharu-sesuai-kata-pengusaha/>. [18 Februari 2024]

- Ferlito, C. 2020. Kawalan Harga Tidak Akan Membantu. 20 Februari 2020. <https://www.ideas.org.my/kawalan-harga-tidak-akan-membantu/>. [Diakses pada: 14 Januari 2024]
- Guénette, J.D. 2020. Price Controls: Good Intentions, Bad Outcome. *Policy Research Working Paper 9212*. World Bank Group
- Haishaerjiang WushouerZhenhuan Luo4 Xiaodon Luwen Shi (2022)Influence of Government Price Regulation on the Price, Volume and Spending of Antibiotics in China: A Controlled Interrupted Time Series Study International Journal of Health Policy and Management
- Irwan Shafrizan Ismail. 2023. Ops TIRIS dilancarkan perangai penyelewengan diesel subsidi. *Berita Harian*. 1 Mac 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1070813/ops-tiris-dilancarkan-perangai-penyelewengan-diesel-subsidi>. [10 Januari 2024]
- Loh YSL, Siah AKL, Koh SGM, Cheong WL, Su TT (2023) "What's up with price controls?" Stakeholders' views on the regulation of pharmaceutical pricing in Malaysia. *PLoS ONE* 18(12): e0291031. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0291031>
- John Spray dan Eric Werker, 2019. Price Controls in Liberia, *Economic Development and Cultural Change*, 67, (3), 461 – 491
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2023. Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024. https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/perbelanjaan/Anggaran_Perbelanjaan_Persekutuan_2024.pdf. [1 Februari 2024].
- Malaysia. 1961. *Akta Kawalan Bekalan 1961*. (Akta 122) Malaysia. 1994. *Akta Kawalan Padi dan Beras 1994*. (Akta 522)
- Malaysia. 2011. *Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011*. (Akta 723)
- Mary Victoria Dass. 2022. Pasar raya, kedai runcit alami 30 peratus kekurangan tepunggandum. *Berita Harian*. 18 Mei 2022. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/956815/pasar-raya-kedai-runcit-alami-30-peratus-kekurangan-tepung-gandum>. [1 Februari 2024].
- Menteri Kewangan Malaysia. 2021. Bantuan Berterusan Kerajaan Melalui Subsidi Minyak Dan Minyak Masak Bernilai Hampir RM8 Bilion Bagi Tahun 2021. *Kenyataan Media*, 12 Jun 2021. <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/siaran-media/Siaran-Media-Subsidi-Minyak.pdf>. [1 Februari 2024].
- Menteri Kewangan Malaysia. 2022. Subsidi 2022 kini berjumlah RM77.3 bilion: Terbesar dalam sejarah bagi meringankan Kos Sara Hidup Rakyat. *KenyataanMedia*, 25 Jun 2022. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/subsidi-2022-kini-berjumlah-rm77-3-bilion-terbesar-dalam-sejarah-bagi-meringankan-kos-sara-hidup-rakyat>. [1 Februari 2024]
- Menteri Kewangan Malaysia. 2022. Kerajaan Komited Mengawal Kos Sara HidupKeluarga Malaysia: Peningkatan Subsidi Sehingga RM77.7 Bilion Dengan Tambahan Subsidi Ayam Dan Telur. *Kenyataan Media*, 30 Jun 2022. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/kerajaan-komited-mengawal-kos-sara-hidup-keluarga-malaysia-peningkatan-subsidi-sehingga-rm77-7-bilion-dengan-tambahan-subsidi-ayam-dan-telur>. [1 Februari 2024].
- Nurretina Ahmad Shariff dan Rosnelim Yusoff. 2013. Enhancing Consumer Protection Via Price Control In Malaysia. 4th International Conference On Business And Economic Research (4th ICBER 2013) Proceeding. Bandung, Indonesia, 4-5 Mac 2013.
- Saadiah Ismail. 2021. 58 kit ujian sendiri COVID-19 dapat kelulusan bersyarat. *BeritaHarian Online*. 6 November 2021.

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/884264/58-kit-ujian-kendiri-covid-19-dapat-kelulusan-bersyarat>. [1 Februari 2024].
- Saksena, K.D. 1986. Pricing policy and price controls in developing countries. Pinter, London; Rienner, Boulder. <https://search-ebshost-com.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/login.aspx?direct=true&db=edselc&AN=edselc.2-52.0-85040872281&site=eds-live>. [16 Februari 2024].
- Suraidah Roslan. 2023. Sukar peroleh gula, harga naik RM4.80 sekilogram. *UtusanOnline*. 15 November 2023. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/sukar-peroleh-gula-harga-naik-rm4-80-sekilogram/>. [10 Februari 2024]
- Suzalina Halid. 2023. Ketirisan RM10 bilion: 'MOF perlu semak fakta subsidi dieseldengan betul' - Ismail Sabri. *Berita Harian*. 26 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1069528/ketirisan-rm10-bilion->